

Pendidikan awal penting pupuk kefahaman rakyat

Kuala Lumpur: Penyebaran berita palsu bukan saja melanggar undang-undang, malah salah di sisi mana-mana agama yang menuntut penganutnya supaya memiliki nilai moral tinggi serta berfikir positif.

Berdasarkan nilai dan etika dalam kebebasan bersuara, jika seseorang itu dapat berfikir secara rasional, sebarang penyebaran berita yang diterima sepatutnya disemak terlebih dahulu sebelum dikongsikan dengan orang lain.

Felo Utama Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Teo Kok Seong, berkata walau apa pun agama yang dianuti dan nilai moral yang dipegang, kewajaran berfikir sebelum menyebarkan sesuatu berita itu perlu diutamakan, bukan hanya mahu menjadi jaguh untuk menjadi yang per-

tama menyampaikan berita.

"Mereka perlu berfikir banyak kali sebelum menyebarkan berita, terutama jika berita itu kelihatan tidak munasabah. Pemikiran yang waras cukup penting dalam hal pertimbangan sesuatu berita sama ada benar atau sebaliknya.

"Jika dibiarkan, kesan berita palsu ini cukup besar dan berbahaya, yang boleh menyebabkan salah faham dan mencetuskan musibah, terutama jika berkaitan dengan isu negara," katanya kepada *BH*, semalam.

Kok Seong juga menekankan kepentingan pendidikan pada peringkat awal bagi menyemai kefahaman mengenai kebebasan bersuara serta memastikan berita yang hendak disebarkan adalah benar; maka ibu bapa serta guru diminta memainkan peranan besar, terutama dengan kewujudan media sosial yang sering disalahgunakan bagi menyampaikan berita palsu.

Beliau berkata, pendidikan sama ada melalui saluran formal di sekolah atau tidak formal seperti di media massa perlu berasaskan kepada prinsip Rukun Negara yang menjadi pegangan hidup semua rakyat tidak kira kaum dan bangsa.

"Pendidikan sejak awal usia ini

memberi hasil dalam jangka masa panjang. Ia perlu berasaskan kepada prinsip Rukun Negara keempat iaitu 'Kedaulatan Undang-Undang' iaitu tindakan dari segi undang-undang boleh diambil jika berita palsu disebarkan dan prinsip kelima iaitu 'Kesopanan dan Kesusilaan' yang dikaitkan dengan integriti kita dalam menyampaikan berita.

"Sudah tentu dalam jangka masa pendek, tindakan undang-undang terpaksa diambil berdasarkan akta yang ada bagi memberi pengajaran, namun dalam jangka masa panjang, kita perlu mendidik anak bangsa kita. Jika melakukan kesalahan ini, apa kesannya kepada mereka, negara dan masyarakat," katanya.

Sementara itu, aktivis sosial, Tan Sri Lee Lam Thye menjelaskan, dari aspek moral dan agama, penyebaran berita palsu atas alasan amalan kebebasan bersuara adalah bertentangan dengan nilai murni serta etika, yang akhirnya boleh memporak perandakan masyarakat dan negara.

"Jika seseorang itu menyebarkan berita palsu dengan mengambil kesempatan daripada kebebasan bersuara maka dia sebenarnya melakukan tindakan yang bertentangan aspek moral dan disiplin. Mana-mana agama sekali pun tidak membenarkan penganutnya berbuat demikian kerana



Pemikiran yang waras cukup penting dalam hal pertimbangan sesuatu berita sama ada benar atau sebaliknya.

*Teo Kok Seong,
Felo Utama Institut
Kajian Etnik UKM*

tiada agama mengajar penganutnya berbohong.

"Jadi, anggota masyarakat sepatutnya memahami bagaimana mereka boleh dipandu dengan nilai moral dan keagamaan supaya tidak melakukan sesuatu kesalahan," katanya.

Lam Thye yang juga Pengerusi Ikatan Komuniti Selamat (IKATAN) berkata, jika penyebaran berita palsu berterusan di negara ini, kementerian berkaitan terma-



Mana-mana agama tidak membenarkan penganutnya berbuat demikian kerana tiada agama mengajar penganut berbohong.

*Lee Lam Thye,
Aktivis sosial*

suk Kementerian Dalam Negeri serta Kementerian Komunikasi dan Multimedia perlu berbincang bagi memperkenalkan undang-undang yang mengenakan hukuman lebih berat kepada mereka yang melakukan kesalahan itu.

"Kita tahu sudah banyak kempen dilaksanakan kerajaan supaya masyarakat lebih berhati-hati dalam menyampaikan berita, perlu semak terlebih dahulu bagi menentukan kesahihan," katanya.

